

PM: Tugas rakyat bumi bertuah

BH 31 AUG 1983

(P)

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tanggungjawab memelihara kemerdekaan dan kehormatan negara adalah tugas bersama dan tidak seorang pun yang cintakan negara boleh menganggap dirinya dikesualikan.

Perdana Menteri berkata, tugas utama setiap orang untuk memelihara negara ini ialah dengan sentiasa mengutamakan kepentingan umum dan jangka panjang lebih dari kepentingan diri dan jangka pendek.

K. LUMPUR, Selasa

pula, terganggunya kemajuan mereka kerana perlunya mereka menunggu Bumiputera juga menimbulkan rasa kecewa dan muram, tegasnya lagi.

"Jika hakikat ini diakui dan diterima, dan dengan senang hati segala urusan diteruskan dengan dedikasi tanpa terlalu dipengaruhi emosi dan sentimen, nescaya kita akan berjaya dan kehidupan menjadi lebih tenang dan aman bagi semua pihak," katanya.

Beliau berkata, bagi penduduk Malaysia yang berbilang kaum, penerimaan hakikat dan dasar oleh semua pihak akan membolehkan kita bekerjasama antara satu sama lain dan kerjasama ini tetap akan membawa lebih banyak hasil.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, penerimaan dasar dan sekatan-sekatan yang tidak dapat dielak dalam masyarakat majmuk yang tidak seimbang pembangunannya hendaklah dilakukan secara ikhlas.

"Setiap tindakan kita, walau dalam apa keadaan sekalipun, hendaklah sentiasa mengambil kira keadaan di negara kita, dan sejauhmana sesuatu tindakan itu akan mendatangkan keburukan atau kebaikan kepada masyarakat dan negara akhirnya.

BERITA Harian hari ini terbit bersama 16 muka tambahan khas Hari Kebangsaan. Pastikan anda mendapatnya.

"Kita harus ingat bahawa tindakan setiap orang walaupun kecil tetapi amat berkesan apabila dijumlahkan semuanya. Sebab itu walaupun apa peranan kita dalam masyarakat, kita tidak boleh memandang ringan akan kesannya," kata beliau lagi.

Dalam perutusan khas Hari Kebangsaan ke-26 yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia malam ini, Perdana Menteri juga menekankan pentingnya unsur-unsur persamaan dan kerjasama sesama rakyat.

"Dalam sebuah negara berbilang kaum seperti negara kita, kemajuan tidak mungkin dicapai kecuali jika kita dapat mengurangkan tumpuan kita kepada soal-soal perbezaan dan kepentingan yang berlainan," jelasnya.

Bagi Bumiputera, kata beliau, tertinggalnya mereka di belakang berbanding kaum lain menyebabkan perasaan irihati dan benci yang ketara.

Sebaliknya, bagi bukan Bumiputera

"Melepaskan batuk di tangga atau mengamalkan dasar secara tidak jujur, misalnya usahasama 'Ali tidur atau digalak supaya tidur oleh Baba' bukan sahaja akan menjejaskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), tetapi mungkin akan memaksa supaya lebih banyak masa diperuntukkan untuk mencapai matlamat yang ditentukan.

Oleh itu, nasihat beliau, amalkan DEB dengan jujur kerana lebih cepat matlamat ini dicapai, lebih pendeklah masa yang diperlukan untuk menjayakan dasar itu.

DEB bukan sahaja mementingkan soal angka-angka matlamat yang dicapai, tetapi lebih penting dari itu ialah keseimbangan kecekapan dan kebolehan, katanya.

"Jika ini sudah dicapai, segala pertandingan antara kaum, apabila berlaku, tidaklah akan menjadi pertandingan yang tidak adil. Keupayaan bertanding dengan asas-asas yang sama dari semua aspek akan membara keyakinan kepada semua pihak dan mengurangkan perasan syak wasangka antara kaum," tambahnya lagi.

Bersempena dengan Hari Kebangsaan negara tahun ini, Perdana Menteri mengajak rakyat untuk "turut sama berusaha meningkatkan persefahaman untuk mengukuhkan lagi ketahanan kita dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa dan akan datang."

"Negara Malaysia adalah negara kita dan kita amat bertuah menjadi anak watannya," tegas Perdana Menteri.

UCAPAN PENUH DI MUKA 10